

Penjara Penor unggul kategori Tenun Pahang Diraja

BERNAMA



TUNKU Hajah Azizah berkenan menyampaikan Anugerah Sulaiman Abd Ghani kepada Ahmad Firdaus Razali (tiga, kiri) dan Mohd Shahrul Amir Muda (dua, kanan) daripada Penjara Penor. FOTO Bernama.

Sepang: Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah malam ini berkenan menyampaikan Anugerah Kreatif Tenun Pahang Diraja, Songket, Batik dan Kraf Jabatan Penjara Malaysia 2022.

Kategori Tenun Pahang Diraja dimenangi oleh kakitangan Penjara Penor Mohd Hafiz Izudin Yasin dan Ahmad Firdaus Mohd Razali, manakala Fadhil Ab Rashid dan Masdi Salim dari Penjara Marang dinobatkan sebagai johan kategori songket.

Bagi kategori batik, pemenangnya ialah Wan Mohd Hafiz Wan Hamid dan Zulkifli Husein dari Penjara Pangkalan Chepa, dan kategori warna alam pula dimenangi oleh Mohd Shahrul Amir Muda dan Ahmad Firdaus Mohd Razali dari Penjara Penor.

Kesemua johan kategori berkenaan membawa pulang hadiah wang tunai RM5,000 berserta trofi dan sijil.

Mohd Shahrul Amir dan Ahmad Firdaus turut dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Sulaiman Abdul Ghani.



TUNKU Hajah Azizah Aminah berkenan berangkat ke Majlis Anugerah Kreatif 2022 Jabatan Penjara Malaysia. Turut hadir Hamzah (dua, kanan). FOTO Bernama.

Bertemakan 'Kreativiti Melestari Tradisi', anugerah itu ialah pengiktirafan kepada warga Jabatan Penjara terutamanya bagi penghuni dan kakitangan sebagai fasilitator yang terlibat dalam Bengkel Tenun Pahang Diraja, Songket dan Batik.

Pertandingan itu juga dibuka kepada penggiat seni tekstil dan orang awam untuk memperkasakan seni warisan dengan lebih inovatif.

Turut berangkat ke majlis berkenaan ialah anakanda Seri Paduka Tengku Puteri Raja Tengku Puteri Afzan Aminah Hafizatullah.

Hadir sama Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hamzah Zainudin, Ketua Polis Negara Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani dan Komisioner Jeneral Penjara Malaysia Datuk Nordin Mohamed.

Disiarkan pada: Oktober 31, 2022 @ 12:25am
